

CNS2748

U GB 12-06 00200 BA861

BAH

MAHATHIR MINTA MAJLIS KESELAMATAN PBB DISUSUN SEMULA  
Bumi - Majlis  
Daripada Kuah Guan Oo

I

RIO DE JANEIRO, 12 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari Khamis meminta struktur Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) disusun semula dan menghapuskan kuasa veto (kuasa pembatal) demi untuk menjadikan majlis itu sebagai wakil yang melambangkan kuasa dunia hari ini.

+Saya tidak nampak mengapa perang dunia yang terakhir harus mempengaruhi kita buat selama-lamanya,+ kata Dr Mahathir dalam temubual dengan Inter Press Service News Agency (IPS) yang menerbitkan risalah +'Terra Viva'+ pada Persidangan Kemuncak Bumi di sini.

Dr Mahathir berkata, terdapat justifikasi bagi Majlis Keselamatan (dengan kuasa pembatalnya dihadkan kepada lima kuasa besar dunia) sebaik sahaja tamatnya Perang Dunia Kedua. Kelima-lima kuasa itu ialah Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Russia (sebelum ini Soviet Union) dan China.

+Tetapi kini, setelah sekian lama iaitu kira-kira 50 tahun, kita tidak boleh lagi dipengaruhi oleh apa yang berlaku pada ketika itu.

+Oleh itu, Majlis Keselamatan perlu dibentuk atau disusun semula strukturnya supaya ia melambangkan kuasa hari ini, termasuk negara-negara yang bukan kuasa dunia dan juga negara dunia ketiga,+ tambahnya. -- Lagi.

♥12/06/15-10MST

U GB 12-06 00165 BA862

BAH

Bumi - Majlis 2 Rio de Janeiro

Dr Mahathir juga berkata, masalah yang dihadapi negara-negara membangun pada Persidangan Kemuncak Bumi, yang dulu dikenali sebagai Persidangan PBB mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (UNCED), ialah pihak Utara tidak bersedia berkongsi +kuasa+ itu.

Perdana Menteri baru-baru ini membidas negara-negara maju kerana menquasai agensi-agensi antarabangsa seperti PBB, Majlis Keselamatan, Bank Dunia dan Tabung Kewangan Antarabangsa -- punca kuasa -- bagi menindas negara-negara Selatan.

+Pada satu ketika mereka bercakap tentang demokrasi dan memerlukan kami (negara dunia ketiga) untuk mengamalkan demokrasi tetapi pada satu ketika lain apabila ia menyentuh demokrasi antarabangsa, tidak wujud (amalan) satu negara satu undi, persoalannya ialah betapa kuatnya sesebuah negara itu,+ katanya.

+Mereka yang mengesyorkan demokrasi sepatutnya mengamalkan demokrasi itu sendiri,+ tegas beliau.

Dr Mahathir juga berkata, negara-negara membangun bimbang khususnya dengan wujudnya satu sahaja kuasa dunia dan kuasa itu membuat deklarasi bahawa ia lebih berminat pada masyarakatnya sahaja daripada rakyat lain di dunia. -- Lagi.

♥12/06/15-34MST

Ini bermakna terdapat pilih kasih di pihak kuasa berkenaan kerana apabila ada hanya satu kuasa besar di dunia ini, maka kuasa tersebut mesti bertanggungjawab ke atas setiap orang (di dunia) dan bukan kepada masyarakatnya sahaja, katanya.

Mengenai agensi-agensi berita negara dunia ketiga, beliau berkata, ia bukanlah satu idea baru tetapi negara-negara membangun tidak mempunyai wang untuk menubuhkan agensi seumpama itu.

+Oleh itu, kami bergantung kepada berita-berita daripada Utara dan berita itu selalunya berat sebelah...berita yang diputarbelit atau salah penerangan.

+Kami menerima berita mengenai Malaysia yang tidak betul dan dengan itu kami menganggap bahawa jika laporan mereka mengenai Malaysia salah maka apa yang mereka laporkan mengenai negara-negara Selatan juga salah,+ katanya.  
-- Bernama.